



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"HUBUNGAN SEKSUAL: PENYUMBANG UTAMA JANGKITAN HIV DAN PENYAKIT AIDS"

2 Disember 2022 / 7 Jamadil Awal 1444

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ الْقَائِلِ:

﴿وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٦﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتُ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مُلُومِينَ ﴿٧﴾ فَمَنِ ابْتَغَى وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٨﴾﴾

Bermaksud: Dan mereka yang menjaga kehormatan (kemaluannya). Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Maka sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekaalah orang-orang yang melampaui batas.

(Surah al-Mukminun ayat 5 hingga 7)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَىٰ أَلِهٖ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya. Membersihkan jiwa dari segala dosa dan noda, serta sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Semoga kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa qalbun salim (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Bersempena hari AIDS sedunia pada 1 Disember, mimbar memilih memperdengarkan khutbah bertajuk; "HUBUNGAN SEKSUAL: PENYUMBANG UTAMA JANGKITAN HIV DAN PENYAKIT AIDS".

Hari AIDS sedunia ditetapkan pada 1 Disember setiap tahun, bertujuan meningkatkan kesedaran awam akan jangkitan HIV yang membawa kepada penyakit AIDS. HIV ialah jangkitan virus melalui cecair atau darah yang mampu memusnahkan daya ketahanan badan

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



seseorang berpunca dari pelbagai faktor, antaranya perkongsian suntikan jarum, seks rambang iaitu bertukar-tukar pasangan, seks songsang atau hubungan sejenis, dan beberapa sebab lain. Sejak lima hingga enam tahun kebelakangan ini, peningkatan kes HIV lebih tertumpu kepada hubungan seksual terutamanya hubungan sejenis lelaki dengan lelaki.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, faktor terbesar yang menyumbang kepada statistik jangkitan HIV di Malaysia pada tahun 1990 hingga 2010, disebabkan penggunaan dadah secara suntikan. Namun kini, faktor tersebut tidak lagi merupakan penyumbang terbesar, sebaliknya berpunca daripada hubungan seksual. Data merekodkan sehingga 2018, daripada keseluruhan jumlah jangkitan HIV, sebanyak sembilan puluh empat peratus (94%) berpunca kerana hubungan seksual dan daripada peratusan tersebut, lima puluh tujuh peratus (57%) berpunca kerana hubungan sejenis antara lelaki atau dikenali sebagai gay, manakala tiga puluh tujuh peratus (37%) disebabkan hubungan seksual berlainan jantina.

Tetamu Allah yang dimuliakan,

Ayat 5 hingga 7 surah al-Mukminun yang khatib bacakan pada awal khutbah, jelas menunjukkan bahawa Islam melarang umatnya melakukan hubungan intim selain daripada pasangan yang dibenarkan oleh syarak. Terkandung hikmah besar dalam ketetapan syariat ini kerana tujuan syariat (Maqasid Syariah) ialah menjamin nasab keturunan. Oleh itu, hubungan sejenis antara lelaki dengan lelaki atau wanita dengan wanita, atau dengan pasangan berlainan jantina yang tidak halal, atau ada antara mereka yang berhubungan dengan dua-dua jantina, atau pun apa-apa jua cara melepaskan nafsu selain dari jalan yang dibenarkan syarak; hukumnya haram dan dianggap dosa zina. Islam melarang umatnya berzina seperti firman Allah SWT:

﴿وَلَا تَقْرِبُوا إِلَيْنَا مَا حَرَمْنَاكُمْ وَمَا أَنْهَيْنَاكُمْ عَنْهُ﴾

Bermaksud: "Dan janganlah kamu menghampiri zina sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

(Surah al-Isra' ayat 32)

Dalam sejarah tamadun manusia, hubungan sejenis pernah diamalkan oleh umat Nabi Lut AS. Allah SWT menyifatkan perlakuan tersebut sebagai *khabais* (خَبَاثٌ) iaitu jijik, keji, kotor dan hina kerana ia tabiat yang merosakkan. Nabi Lut AS berulang kali memperingatkan kaumnya bahawa perlakuan ini mengundang kemurkaan Allah SWT, namun kaumnya tidak peduli dan terus menerus melakukannya. Akibatnya Allah SWT menghukum mereka dengan azab yang dahsyat. Firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 82 yang mafhumnya:



"(Peringatan Lut tidak diendahkan) maka apabila datang (ketetapan) perintah Kami, Kami jadikan negeri kaum Lut itu diterbalikkan (tertimbus segala yang ada di muka bumiunya) dan kami menghujaninya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar menimpanya bertalu-talu".

Jemaah Yang dilimpahi rahmat Ilahi,

Mereka yang dijangkiti HIV, berisiko mendapat penyakit AIDS yang boleh menyebabkan beberapa kesan seperti demam berpanjangan, cirit birit berpanjangan, penurunan berat badan yang mendadak, bengkak kelenjar, batuk kering berpanjangan, menjangkiti orang lain dan paling bahaya boleh membawa kepada kematian. Sehingga kini masih tiada rawatan yang boleh menghapuskan virus ini namun HIV boleh dikawal melalui rawatan awal sebelum ia berubah menjadi AIDS. Segera dapatkan rawatan di klinik atau hospital berdekatan, serta mendisiplinkan diri mematuhi segala arahan dan kaedah rawatan yang diberikan oleh pakar perubatan. Pesakit akan didedahkan dengan rawatan ARV selepas melakukan ujian saringan dan berpeluang mendapatkan khidmat kaunselor bagi terapi psikologi.

Jemaah yang dimuliakan,

Ketahuilah bahawa segala suruhan dan larangan Allah SWT itu bertujuan membawa kebaikan kepada manusia. Di sebalik perkara yang ditegah dan perbuatan yang dianjuri syarak, semuanya terkandung hikmah yang membawa kesejahteraan kehidupan dan kebaikan pada fizikal dan jiwa orang-orang beriman. Oleh itu, Mimbar menyenaraikan peringatan-peringatan berikut:

Pertama: Perbuatan hubungan seksual yang dilarang Islam adalah haram dan wajib dijauhi. Pelakunya berdosa besar dan perlu segera bertaubat memohon keampunan Allah SWT. Bagi yang belum bernikah, usahakan mencari pasangan yang halal dan bagi yang sudah bernikah hendaklah tidak melakukan hubungan yang menjerumuskan diri melakukan dosa zina yang bakal mengundang kesan kesihatan pada diri malah merebak kepada ahli keluarga.

Kedua: Hubungan seksual bebas, hubungan sejenis dan sebagainya berisiko dijangkiti HIV yang boleh memudaratkan kesihatan diri dan orang lain.

Ketiga: Bagi mereka yang dijangkiti HIV, janganlah merasa kecewa dan putus asa. Selagi hayat dikandungi badan, selagi mentari terbit menyinar dari ufuk timur, di sana ruang taubat terbuka seluas-luasnya memberi peluang untuk perubahan. Jalanilah kehidupan yang sihat, lakukan rawatan susulan dengan disiplin dan seterusnya perbanyak doa, solat dan taubat pada Allah SWT; sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penerima taubat.



Keempat: Ibu bapa harus memantau perkembangan anak-anak dan tingkah laku mereka. Kenali dengan siapa mereka bergaul, beri panduan kehidupan pada mereka dan peringatan agar menjauhi perbuatan zina.

Kelima: Jika terdapat dalam kalangan ahli keluarga, sanak saudara atau sahabat yang dijangkiti HIV, jangan disisihkan mereka atau bersifat menghukum; sentiasalah memberi dorongan dan sokongan pada mereka agar dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

Keenam: Bagi yang memiliki kecenderungan terhadap jantina yang sama, segeralah merawatnya dengan bertemu pakar kesihatan melalui terapi kognitif dan lain-lain kaedah yang dapat membendung kecenderungan ini.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا يُوَافِي نِعْمَةٍ وَيُكَافِئُ مَزِيدَهِ . أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى الْأَلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِنْتُمُ الْمُتَقْوِيُونَ⁶ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ، يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفِ بَيْنَ
قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Bimbing kami dalam mentaati segala suruhan Mu dan menjauhi segala larangan Mu agar kami mencapai keredaan Mu. Pelihara iman kami agar tidak melakukan perbuatan yang menjurus kemurkaan Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَيْهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.